



Butetir **SUK**

BIL.4/2022

PERAK

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perak



Perak Umum

BELANJAWAN 2023

RM 1.19 BILION

2030
PERAK
SEJAHTERA

Sidang Redaksi

PENAUNG

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

KETUA PENYUNTING

Anita Amri
Reza Amirul Adib

PENYELARAS

Roslan Jamaluddin
Dalila Mastor

PEREKA GRAFIK

Azmi Asmayatim

WARTAWAN

Firdaus Ehsan
Qistina Izfarina

FOTOGRAFI

Lopman Bahari
Faez Zulkarnain

PENOLONG PENYELARAS

Safuan Rozali
Nik Muhammad Firdaus

BAHAGIAN KORPORAT

PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK



BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN

بَاغُونِن قَيْرَاق دَار الرِّضْوَان

KAUNTER PERKHIDMATAN BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN BERWAJAH BAHARU

Kaunter perkhidmatan merupakan salah satu komponen penting dalam pengurusan perhubungan pelanggan. Oleh itu, Bangunan Perak Darul Ridzuan menampilkan kaunter khidmat pelanggan berwajah baharu bercirikan korporat. Kaunter yang telah diubah suai sejak April 2022 ini diselia oleh Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Bahagian korporat bermatlamat bahawa setiap perkhidmatan yang disampaikan perlu memenuhi kehendak pelanggan. Penambahbaikan harus dibuat untuk meningkatkan tahap pengurusan kaunter dengan lebih berkualiti dan memberikan kepuasan maksimum kepada pelanggan.

Kini, kaunter khidmat pelanggan di Bangunan Perak Darul Ridzuan dilengkapi kaunter yang lebih mesra pelanggan dengan ruangan menunggu yang lebih selesa. Sambil menunggu, pelanggan boleh mengetahui tempat-tempat pelancongan di Perak melalui siaran televisyen hasil kerjasama Tourism Perak dan membaca risalah buletin SUK Perak untuk mengetahui program atau isu-isu semasa Kerajaan Negeri Perak.

Selain dari itu, pelanggan juga boleh menghubungi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di talian utama, 05-209 5000 untuk mendapatkan maklumat. Pegawai khidmat pelanggan dari bahagian korporat sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat penerangan dan perhubungan pelanggan yang berurusan.

Sila layari portal rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di laman web <https://www.perak.gov.my/index.php> untuk sebarang maklumat lanjut.



Laman Rasmi Facebook
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sila like page :-
"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak"
Pelbagai informasi boleh diperolehi!!!



Sila like dan follow Instagram
Pejabat SUK Perak :-

"sukperak"



Perak Umum **BELANJAWAN 2023** **RM 1.19 BILION**

Menurutnya lagi, demi membela kepentingan golongan sasar B40 yang terhimpit ekonomi, kerajaan negeri telah meningkatkan dana bagi pelaksanaan Program Kad Perak Sejahtera yang sebelum ini dikenali sebagai Program Kad Perak Prihatin kepada RM25.2 juta dengan peningkatan RM2.4 juta berbanding tahun lalu.

"Kadar Bantuan Kad Makanan telah dinaikkan daripada RM80 kepada RM90 sebulan bagi setiap penerima, manakala Kad Kesihatan kekal dengan kadar RM150 setahun dengan memberi manfaat kepada 20,000 penerima.

"Selain itu, kita tidak melupakan kepentingan ilmu pengetahuan dalam meningkatkan tahap sosioekonomi rakyat, agenda pendidikan akan terus menjadi keutamaan kerajaan negeri dengan penyediaan peruntukan RM21.4 juta bagi tujuan bantuan pendidikan dipelbagai peringkat pembelajaran.

"Begitu juga dengan penaiktarafan dan penambahbaikan kemudahan prasarana yang menjadi satu fokus utama pembangunan negeri pada tahun 2023 dengan peruntukan sebanyak RM257.5 juta bagi tujuan tadbir urus projek berkepentingan negeri," jelasnya.

Ujar beliau lagi, memberi fokus kepada aspek kelestarian alam sekitar bagi pelaksanaan pembangunan lestari dan teknologi hijau seiring dengan agenda di peringkat nasional dan global, sebanyak RM162.6 juta akan dibelanjakan

Begitu juga dengan pembangunan sektor pertanian, sebanyak RM55 juta telah diperuntukkan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dalam memenuhi permintaan dan keperluan penduduk secara konsisten, mampu diperolehi, berkhasiat dan berkualiti.

"Tidak terlepas daripada fokus utama, kerajaan negeri juga telah memperuntukkan RM21.6 juta bagi Pembangunan Modal Insan dan Belia bagi pelaksanaan program berteraskan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang berasaskan teknologi dan inovasi," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, melalui belanjawan tersebut, kerajaan negeri telah mengumumkan pemberian bantuan khas kewangan sebanyak satu setengah bulan gaji atau minimum RM2,000 kepada penjawat awam di bawah pentadbiran kerajaan negeri Perak.

IPOH, 22 DISEMBER 2022- Kerajaan Negeri Perak hari ini membentangkan Belanjawan 2023 berjumlah RM1.19 bilion merangkumi RM794 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM395 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, belanjawan tersebut bertemakan 'Perak Makmur, Rakyat Sejahtera' yang merangkumi lima fokus utama iaitu kesejahteraan rakyat, tadbir urus projek berkepentingan, kelestarian alam sekitar, keterjaminan bekalan makanan serta pembangunan modal insan dan belia.

Menurutnya, daripada unjuran hasil dan perbelanjaan tersebut, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 akan ditutup dengan jangkaan defisit RM30.0 juta.

Selain itu, Belanjawan 2023 Negeri Perak menyaksikan pertambahan peruntukan bagi tujuan pembangunan iaitu sebanyak RM93 juta berbanding tahun lalu, di mana ia akan disalurkan melalui program-program kesejahteraan rakyat.

"Peningkatan ini disebabkan kita mengambil kira keperluan yang perlu dibelanjakan bagi memberi manfaat kepada seluruh rakyat negeri Perak.

"Peningkatan ini disebabkan komitmen bagi projek fizikal merangkumi pembinaan, pembaikan dan kerja naik taraf pelbagai infrastruktur dan fasiliti serta program kesejahteraan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Pembentangan Belanjawan 2023 Negeri Perak Darul Ridzuan di Dewan Negeri Perak, di sini.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, disebabkan ketidaktentuan iklim ekonomi yang menyelubungi rakyat, kita telah merangka pelbagai jenis program dan projek yang berlandaskan pencapaian kesejahteraan rakyat secara menyeluruh dengan peruntukan berjumlah RM373.8 juta.



Sambutan Maulidur Rasul

1444H/ 2022M Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan

IPOH, 9 OKTOBER 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersama DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1444H Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan di Bangunan Perak Darul Ridzuan, pagi ini.

Bertemakan 'Meremajakan Gerakan Pembangunan Ummah', baginda bertitah golongan belia wajib didampingi, suara dan pandangan mereka perlu didengari serta difahami selain kehadirannya diiktiraf agar dapat dilaksanakan program pembangunan ummah yang lebih kontemporari dan relevan dengan keperluan serta cabaran semasa.

"Sudah menjadi sunnah, yang lama perlu diperbaharui agar kehendak dan keperluan semasa dapat dipenuhi. Gerakan pembangunan ummah perlu dihembus nafas baharu dengan nilai-nilai kontemporari melalui usaha yang lebih segar, lebih berstrategi, penuh berwawasan, seiring dengan arus perubahan dan kemajuan yang kian pesat," titah baginda.

Turut berangkat mengiringi baginda, DYT Raja Muda Perak, Raja Jaafar ibni Almarhum Raja Muda Musa, DYT Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Binti Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah serta DYAM Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar Zaini; YBhg. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk), Dato' Mohd Yusop Husin serta Barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pada majlis tersebut, baginda turut berkenan menyampaikan pengurniaan penghargaan Johan Jurus Seni Silat Masjid-Masjid Negeri Perak 2022 kepada Seni Silat Gerakan Warisan Keramat Juang, Masjid Jamek Baru Gopeng.

Seterusnya, Anugerah Pegawai Masjid iaitu Anugerah Imam, Tuan Haji Md Sharafi Zakaria, Anugerah Bilal, Encik Abdul Latif Mohd Yusof dan Anugerah Siak, Encik Samsudin Arop.

Manakala Tokoh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dianugerahkan kepada Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Negeri Perak.

Seterusnya diikuti dengan Anugerah Pengamal Media kepada Ketua Biro Sinar Harian, Encik Saifullah Ahmad dan Anugerah Pendakwah kepada Ustazah Rokiah Man. Masing-masing membawa pulang wang tunai RM3,000, plak serta sijil. Yang terakhir adalah Anugerah Keluarga Mithali kepada Ustaz Ramli Yusof yang membawa pulang wang tunai RM5,000, plak serta sijil.

Majlis Anugerah Kecemerlangan **PENDIDIKAN ISLAM NEGERI PERAK** **1444H/ 2022M**

IPOH, 14 OKTOBER 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat ke Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Islam Negeri Perak 1444H/ 2022M di Hotel Casuarina@Meru, pagi ini.

Pada majlis tersebut, DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyampaikan keseluruhan 80 anugerah.

Antaranya, 6 buah sekolah telah menerima Anugerah Sekolah Terbaik dan 4 orang pelajar telah menerima Anugerah Pelajar Terbaik dalam pelbagai kategori.

Malah, 23 orang pelajar tahfiz yang berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran telah menerima Anugerah Hafiz Muda.

Selain itu, 38 orang pula telah menerima Anugerah Sijil Tahfiz Negeri Perak (STNP) Tahun 2021. Sijil ini bertujuan untuk memperakui para huffaz yang telah menghafaz 30 juzuk al-Quran.

Manakala, 3 orang lagi telah menerima Anugerah Guru Cemerlang dan Anugerah Penyelia Cemerlang.

Yang terakhir, 6 orang telah menerima Anugerah Jasamu Dikenang atas kebaktian yang telah dicurahkan selama ini dalam Pendidikan Islam di Negeri Perak.

Dalam masa yang sama, DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut berkenan melancarkan Buku Al-Syahadah Al-l'dadiah Ad-Diniah dan Kurikulum Standard Pengajian Islam Orang Kurang Upaya (OKU) Negeri Perak.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar Zaini; YBhg. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk), Dato' Mohd Yusop Husin serta Barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN RASMI

Sambutan HARI HUTAN ANTARABANGSA

Peringkat Negeri Perak



BATU GAJAH, 25 OKTOBER 2022 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat merasmikan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak di The Treasure@Taman Herba Gopeng, di sini.

Keberangkatan tiba baginda pada pukul 10 pagi itu disambut oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad dan isteri, YABhg.Datin Seri Aezer Zubir.

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa bertemakan 'Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat' itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pelbagai jenis hutan serta pemeliharaan dan pemuliharaannya.

Dalam majlis tersebut, DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut berkenan mengurniakan anak pokok kepada YBrs. Pegawai Daerah dan Tanah Kinta, Encik Meor Hezbullah Meor Abd Malik dan Pengurus The Treasure@ Taman Herba Gopeng, Puan Eidia Erriany Abdul Rahim.

Selain itu, baginda juga berkenan mengurniakan sijil penghargaan sumbangan penanaman pokok kepada YBrs. Pengurus Kumpulan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC), Tuan Hj. Yahanis Yahya dan YBhg. Pengurus Lembaga Air Perak (LAP) Dato' Hj. Ishak Abdul Rahman.

Turut berangkat, DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; DYTM Raja Muda Perak, Raja Jaafar Almarhum Raja Muda Musa; DYTM Raja Puan Besar, Raja Nazhatul Shima Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah; DYAM Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah serta DYAM Tunku Soraya Binti Almarhum Sultan Abdul Halim.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; YBhg. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Dato' Mohamed Zin Yusop serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.





KUALA KANGSAR, 29 OKTOBER 2022- YTM Raja Dato' Seri Yong Sofia binti Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah berkenan berangkat menghadiri Larian Hari Keputeraan Sultan Nazrin Shah 2022 di Dataran Persisiran Sayong, pagi ini.

YTM Raja Dato' Seri Yong Sofia berkenan menyempurnakan pelepasan larian kategori 7km pada jam 7.00 pagi dan larian 5km pada jam 7.10 pagi yang melibatkan 1,000 orang peserta secara keseluruhan kategori.

Turut mengiringi YTM Raja Dato' Seri Yong Sofia adalah YBrs. Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Kangsar, Encik Zulhisham Ahmad Shukori.

Larian edisi ke-10 ini telah dimeriahkan dengan pukulan Gendang 24 Musim oleh 13 orang pelajar dari Sekolah Menengah (Persendirian) Tsung Wah.

Menariknya lagi, bertemakan 'Koleksi Bangunan Ikonik Sekitar Kuala Kangsar', para peserta melalui kawasan kampung di sepanjang laluan larian sambil menikmati pemandangan di sekitar daerah Kuala Kangsar.

Program ini adalah kerjasama antara Yayasan Sultan Azlan Shah (SAS), Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar selaku sekretariat utama serta syarikat konsultan, M5 Events Sdn. Bhd.



LARIAN HARI KEPUTERAAN SULTAN NAZRIN SHAH

Disambut Meriah



DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN SERTA

LARIAN HARI KEPUTERAAN SULTAN NAZRIN SHAH



KUALA KANGSAR, 30 OKTOBER 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat menyertai acara Larian Hari Keputeraan Sultan Nazrin Shah 2022 di Dataran Pavilion, pagi ini.

Turut berkenan berangkat adalah puteri baginda, YTM Raja Nazira Safya dan adinda, YTM Raja Dato' Seri Yong Sofia binti Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

Larian turut disertai oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; YDH Ketua Polis Perak, CP Dato' Mohd Yusri Haji Hassan Basri dan YB Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Mastura Mohd Yazid.

Acara larian yang dianjurkan bersempena dengan Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ke-66 yang akan disambut pada 4 November ini, menyaksikan penyertaan hampir 10,000 orang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Sekitar jam 6.45 pagi, DYMM Paduka Seri Sultan Perak berkenan menyempurnakan pelepasan peserta larian membabitkan kategori 15km yang disertai oleh 5,289 orang peserta dan 3,124 orang peserta larian bagi 10km pada jam kira-kira 7.10 pagi.

Kemudiannya, DYMM Paduka Seri Sultan Perak dan puteri baginda, YTM Raja Nazira Safya berkenan menyertai acara larian bagi kategori tetamu kehormat (VVIP) yang membabitkan jarak 2.5km diiringi tetamu kehormat yang lain.

Acara pelepasan kategori tetamu kehormat yang disertai 350 orang itu disempurnakan oleh adinda DYMM Paduka Seri Sultan Perak, YTM Raja Dato' Seri Yong Sofia.

Pelbagai acara persembahan diadakan di sepanjang laluan larian antaranya persembahan demonstrasi dinamik dan keupayaan Tiga Cabang Angkatan Tentera Malaysia menewaskan aktiviti sabotaj dan menahan tebusan di Laman Budaya oleh Tentera Laut Diraja Malaysia Lumut, Markas 2 Bridged Ipoh dan Akademi Tentera Udara Diraja Malaysia Ipoh.

Seterusnya, acara larian diserikan dengan persembahan oleh kaum Melayu, Cina dan India bagi menonjolkan kebudayaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Antaranya, kaum Melayu mempersembahkan Seni Silat oleh Persatuan Seni Silat Saudara Kuala Kangsar dan pancaragam oleh pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Bagi kaum Cina pula, dipersembahkan pukulan Gendang 24 Musim, Tarian Naga dan Singa oleh Dewan Perhimpunan Cina Kuala Kangsar.

Manakala bagi kaum India pula, dipersembahkan Tarian Kolattam oleh para pelajar SJK (T) Gandhi Memorial, Kuala Kangsar.

Sebelum berangkat pulang, baginda berkenan menghadiri majlis santapan dan menyempurnakan upacara penyampaian hadiah.





DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK TITAH PEMIMPIN NEGERI LAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN IKHLAS DAN ADIL

IPOH, 20 DISEMBER 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah agar pemimpin Kerajaan Negeri Perak yang dilantik supaya menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan ikhlas, jujur, adil dan saksama mengikut perlembagaan serta berlandaskan undang-undang.

Baginda menitahkan, mandat dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat untuk menjadi ahli Dewan Negeri merupakan suatu amanah dan tanggungjawab berat yang perlu dipenuhi, serta menuntut pengorbanan yang besar.

"Penuhi tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan ikhlas, jujur, adil dan saksama berlandaskan perlembagaan, berteraskan undang-undang. Jauhi sifat-sifat angkuh dan bongkak dengan tidak mengamalkan budaya yang menang, menang semua.

"Sebaliknya, mereka hendaklah bersifat adil dalam mengagihkan peruntukan dan melaksanakan program pembangunan secara saksama tanpa prejudis, diskriminasi dan penindasan kepada mana-mana pihak, kerana setiap pengundi ialah makhluk Ilahi dan setiap inci bumi di negeri ini terletak di bawah naungan takhta pemerintahan Beta.

"Oleh itu rakyat jangan dihukum untuk menanggung kesusahan, di sebaliknya dengan menjunjung semangat demokrasi, kepentingan dan kebajikan setiap rakyat jelata hendaklah berada di hati pemimpin dan senantiasa diutamakan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Pertama Dewan Negeri Perak Ke-15 di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini hari ini.

DYMM Sultan Nazrin Shah bertitah lagi bahawa rakyat memerlukan tadbir urus ekonomi yang cekap untuk membolehkan kegiatan ekonomi kembali rancak.

"Rakyat mahukan kerajaan yang berupaya dan bertenaga untuk mentadbir urus negara membawa pertumbuhan ekonomi yang bermakna selain itu rakyat mahukan kerajaan yang bijak mengurus sumber-sumber negeri, dan tegas mengawal ketirisan dan kebocoran sumber, serta bersungguh mengelakkan pembaziran.

"Amatlah penting untuk kerajaan Beta mendengar dan memahami keresahan yang sedang dihadapi rakyat, antaranya pengangguran, kos sara hidup yang tinggi, jaminan bekalan dan keselamatan makanan, kelestarian alam sekitar, juga kemudahan-kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan serta perhubungan awam dan komunikasi digital yang berkualiti.

"Oleh itu kerajaan Beta akan memikirkan langkah-langkah strategik bersama Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan iklim pelaburan yang meyakinkan semoga dapat menambah peluang pekerjaan, menangani kos sara hidup rakyat, serta mengikhtiarkan langkah yang dapat menjamin bekalan dan keselamatan makanan, juga menambah baik kemudahan-kemudahan sosial dan perkhidmatan. Penuhilah harapan rakyat, penuhilah amanah rakyat," titah baginda.





DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN

SEMPURNA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI TAHUN PERTAMA DEWAN NEGERI YANG KE-15 PERAK DARUL RIDZUAN

IPOH, 20 DISEMBER 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Pertama, Dewan Negeri Yang Ke-15 Perak Darul Ridzuan di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Keberangkatan baginda bersama DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim kira-kira jam 10.30 pagi telah disambut oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad, YB Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak, Dato' Mohamad Zahir Dato' Abdul Khalid serta YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim.

Sebaik keberangkatan tiba baginda di Dataran SUK Perak, Pancaragam Akademi Tentera Udara Diraja Malaysia, Ipoh dibawah pimpinan Leftenan Mohd Hanif Che Razak memainkan lagu kebesaran negeri Perak.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah kemudiannya berkenan mencemar duli memeriksa perbarisan Pasukan Kawalan Kehormatan Utama yang terdiri daripada tiga pegawai dan 102 orang anggota lain-lain pangkat dari Batalion Pertama, Pasukan Gerakan Am, Briged Utara, Ulu Kinta.

Kawalan Kehormatan Utama tersebut telah diketuai oleh DSP Mohamad Rafizul Rosdi dan ASP Mohd Al-Hakim selaku pegawai pemeriksa.

Usai memeriksa Kawalan Kehormatan Utama, DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan DYMM Tuanku Zara Salim seterusnya berangkat masuk ke Dewan Mesyuarat bagi menzahirkan titah ucapan perasmian baginda sempena Tahun Pertama, Dewan Negeri Ke-15 Perak Darul Ridzuan.



IPOH, 2 DISEMBER 2022- Kerajaan Negeri Perak telah menganjurkan Kenduri Rakyat bersempena lawatan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Majlis yang berlangsung dengan kehadiran ribuan warga Parlimen Tambun itu telah diadakan di Masjid Muhammad Al-Fateh, Taman Jati, di sini.

Kehadiran YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada jam 12.50 tengah hari itu telah disambut meriah dan dimulakan dengan solat Jumaat sebelum beliau bergerak ke Kenduri Rakyat yang diadakan di kawasan lapang bersebelahan masjid tersebut.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, YB Dato' Mohammad Zahir Dato' Abdul Khalid; Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; Ahli-ahli Parlimen; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri serta barisan ketua-ketua jabatan dan negeri.

Terdahulu, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah tiba di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah pada jam 10.40 pagi sebelum bergerak ke Istana Kinta bagi menghadap DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Usai menghadap DYMM Paduka Seri Sultan Perak, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim meneruskan sesi tinjauan mesra bersama warga Parlimen Tambun di Pasar Tanjung Rambutan, di sini.

Dalam perkembangan sama, negeri Perak menjadi negeri pertama menerima lawatan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim selepas beliau mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 24 November lalu.



SELINSING, 11 OKTOBER 2022- Program MESRA Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 7 Tahun 2022 buat julung kalinya diadakan di daerah Kerian untuk memudahkan kerajaan negeri mendekati rakyat.

Menurut YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad, pihaknya ingin memulakan langkah baru dengan memilih Selinsing, Kerian untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk berjumpa dengan barisan kepimpinan kerajaan negeri.

"Sambutan kali ini amat menggalakkan kerana walaupun kita buat di kawasan dua parlimen iaitu parlimen Parit Buntar dan parlimen Bagan Serai, tetapi, saya lihat ramai juga yang datang dari Taiping, Parit dan sebagainya.

"Ini adalah bertepatan dengan konsep kita iaitu rakyat dapat berurusan secara langsung dengan semua barisan kepimpinan kerajaan negeri," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media di perkarangan Sekolah Kebangsaan Dato' Alaudin, Selinsing, pagi ini.

Pada masa yang sama, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad turut melancarkan Program Geran Usahawan Perak Sejahtera (GeRAK) di program itu.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; Pegawai Daerah Kerian, Encik Mohd Sabli Bakri serta barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK).



HARI BERTEMU PELANGGAN *Kerajaan Negeri Perak Siri 7 Tahun 2022* *Diadakan Di Daerah Kerian*

Tambahnya, sebanyak 66 aduan telah diterima hari ini menjadikan jumlah aduan keseluruhan siri adalah 939 aduan dan lebih 70 peratus aduan tersebut telah diselesaikan dan diambil tindakan lanjut.

"Program kali ini melibatkan sebanyak 112 jabatan dan agensi kerajaan yang merangkumi 82 kaunter khidmat pelanggan, 12 reruai pameran serta empat perkhidmatan kaunter bergerak.

"Malah, Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STEP) turut bersama-sama menjayakan Karnival STEP dengan melibatkan usahawan-usahawan tempatan di daerah ini," jelasnya.



IPOH, 19 OKTOBER 2022- Pejabat Penghulu Besar Negeri Perak membuat kejutan apabila projek inovasi mereka iaitu 'Sistem e-Penghulu' diumumkan sebagai pemenang yang berjaya merangkul Anugerah Inovasi Menteri Besar (AIMB).

Kejayaan Pejabat Penghulu Besar Negeri Perak melayakkan mereka membawa pulang wang tunai RM20,000 daripada Kerajaan Negeri Perak dan RM30,000 daripada Perbadanan Menteri Besar (MBInc) menjadikan jumlah keseluruhan wang tunai yang dimenangi adalah RM50,000 serta sijil penghargaan dan piala iringan.

Penyampaian anugerah itu telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad ketika Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Sistem e-Penghulu merupakan satu sistem yang sedang diguna pakai oleh semua Pejabat Penghulu Mukim di negeri Perak untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat dalam pelbagai jenis urusan. Kini, sistem ini menjadi penanda aras bagi negeri-negeri lain dalam mengukur tahap penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.



Bagi memeriahkan lagi majlis, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad turut melancarkan logo baharu *Park@Perak* dan menyampaikan sijil penghargaan kepada Encik Mohamad Rasshuwan Sukawati sebagai johan pertandingan.

Pertandingan logo *Park@Perak* telah dilaksanakan pada 4 April sehingga 18 April 2022 bertujuan untuk menjenamakan semula logo yang lebih kontemporari bagi menonjolkan aspek dinamik dan futuristik serta mempromosikan aplikasi ini di seluruh Perak.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin dan YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril Mohamed.





KERAJAAN NEGERI PERAK MENYAMPAIKAN **DANA PENDIDIKAN DAN INSENTIF KECEMERLANGAN SUKAN KEPADA ATLET NEGERI**

IPOH, 30 DISEMBER 2022- Kerajaan Negeri Perak menyampaikan dana pendidikan sebanyak RM600,000 kepada atlet Sukan Olahraga, Muhammad Azeem Mohd Fahmi yang telah mengharumkan nama negara sebagai pelari ke-5 terpanjang remaja dunia bawah 20 tahun ketika menyertai Kejohanan Olahraga Remaja Dunia di Cali, Colombia.

Penyampaian tersebut telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad di Bangunan Perak Darul Ridzuan ketika Majlis Penyampaian Dana Pendidikan Negeri Perak dan Majlis Penyerahan Insentif Kecemerlangan Sukan Kepada Pasukan Hoki Lelaki Negeri Perak.

Menurut YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, dana ini bertujuan untuk membantu membiayai perbelanjaan pengajian beliau di Universiti Auburn, Alabama, Amerika Syarikat selama minimum 3 tahun.

"Ini adalah inisiatif kerajaan negeri untuk membantu beliau melanjutkan pelajaran ke universiti yang turut mempunyai kemudahan serta fasiliti bagi meningkatkan kecemerlangannya dalam bidang sukan.

"Kita berharap lebih ramai lagi atlet sepertinya dapat dilahirkan kerana beliau layak dinobatkan sebagai ikon anak muda disebabkan berjaya mengimbangi kejayaan dalam bersukan dan akademik dengan cemerlang," jelasnya.

Muhammad Azeem akan berlepas pada 1 Januari 2023 pada jam 2.20 pagi bagi menyambung pelajaran dalam jurusan *Exercise Physiology and Kinesiology* dengan tempoh pengajian bermula 11 Januari 2023 hingga 31 Disember 2026.

Pada majlis yang sama, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad turut menyampaikan insentif kecemerlangan sukan sebanyak RM100,000 kepada Pasukan Hoki Lelaki Negeri Perak yang telah menjuarai Kejohanan Hoki Piala Tun Abdul Razak edisi ke-60 2022.

Tambahnya lagi, pencapaian ini adalah hasil prinsip kebersamaan semua pihak yang bertanggungjawab, khususnya para atlet dan jurulatih masing-masing.

"Kejayaan ini adalah hasil usaha dan pengorbanan serta disiplin tinggi dalam mengharungi cabaran pahit dan manis. Kesungguhan ini perlu ada dalam setiap diri atlet," ujarnya.

Turut hadir, YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan, Encik Khairudin Abu Hanipah; Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN) Perak, Haji Mazlan Mohamad dan Jurulatih Pecut, Muhammad Amir Izwan Tan Abdullah.





IPOH, 31 DISEMBER 2022- Anak Perak perlu ada kebanggaan untuk sama-sama berganding bahu memberitahu kepada dunia bahawa bumi bertuah Perak Darul Ridzuan ini mempunyai kehebatan dan keistimewaan tersendiri.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Tahun Melawat Ipoh 2023 dan Program Starvendors Foodstival X #TRAVELPERAKLAH 2022 di perkarangan Stadium Indera Mulia, malam ini.

Beliau berkata semua pihak perlu berganding bahu untuk meningkatkan sektor pelancongan kerana ia adalah antara nadi penting untuk pertumbuhan ekonomi negeri.

"Ini bukan lagi masa untuk kita meratapi kepedihan kehidupan era pandemik, kini adalah masa untuk kita segera tangkas menghadapi cabaran baru.

"Enjin-enjin ekonomi perlu kita perkukuhkan. Kapasiti rakyat perlu sentiasa kita upayakan agar dapat menghadapi suasana ekonomi yang menekan," jelasnya.

Tambahnya, inisiatif untuk menjadikan tahun 2023 sebagai Tahun Melawat Ipoh adalah sebagai langkah yang sangat tepat untuk kita tonjolkan lagi kekuatan dan kehebatan Ipoh sebagai antara lokasi percutian yang mesti dilawati.

Pelbagai program menarik telah dirangka sepanjang tahun 2023 untuk mempromosikan bandar Ipoh antaranya Pesta Budaya Nusantara@IPOH pada 10-11 Jun, Pesta Kopi Tempatan pada 7 Oktober dan Rainbow Challenge (Pertandingan Seni) pada 18 November.

Hadir sama, YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri, Encik Loh Sze Yee; YBhg. Datuk Bandar Ipoh, Dato' Rumaizi Baharin@Md Daud dan Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Perak, Puan Nurmalis Musa.



GUNA SEMUA SUMBER SECARA OPTIMUM DALAM MENGHADAPI BANJIR

IPOH, 5 OKTOBER 2022- YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suidi Abdul Rahim menegaskan bahawa setiap sumber seperti makanan dan logistik perlu digunakan secara optimum dalam menghadapi Monsun Timur Laut yang dijangka akan bermula awal November ini.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan Taklimat Kesiapsiagaan Bencana di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kinta, petang ini.

"Saya mengambil maklum peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menguruskan bencana banjir dan saya berharap usaha ini dapat diteruskan lagi ketika kita menghadapi Monsun Timur Laut nanti," katanya.

Tambahnya lagi, semua pihak terutama di bilik gerakan bencana bagi setiap daerah perlu memperkemas lagi sistem komunikasi supaya setiap sumber seperti makanan dan logistik dapat digunakan secara optimum dan efisien.

Beliau turut bersetuju dengan penyediaan makanan menggunakan teknologi 'Retort' kepada mangsa bencana banjir semasa tempoh 24 jam pertama di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) untuk menangani masalah logistik dalam penghantaran bekalan makanan.

Hadir sama, Pengarah JKM Negeri Perak, Puan Hajah Nor Tipah Majin dan Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kinta, Encik Mohd Shabbri Othman.

Setelah itu, beliau meneruskan lagi lawatan ke Pejabat Daerah dan Tanah Kinta untuk mempengerusikan Taklimat Tahap Kesiapsiagaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Kinta dalam menghadapi Monsun Timur Laut.

Menurutnya, persediaan ini perlu dibuat sebelum, semasa dan selepas banjir.

"Di Perak, ada sungai yang perlu kita memberi tumpuan contohnya Sungai Pinji, Sungai Pari dan Sungai Klebang. Kerja-kerja mendalamkan atau melebarkan sungai perlu dilakukan dengan segera supaya apabila hujan lebat, kita tak nak air sungai ini melimpah," jelasnya.

Turut hadir, Pegawai Daerah Kinta, Encik Meor Hezullah Meor Abdul Malik; Timbalan Ketua Polis Daerah Ipoh, Superitendan Lee Swee Sake; Pegawai Kesihatan Daerah Kinta, Dr Asmah Zainal Abidin dan Penghulu Mukim Kinta Ipoh, Dr. Mohd Sani Kamaruddin.



IPOH, 13 OKTOBER 2022- YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim peka dalam kesiapsiagaan pihak yang terlibat berikutan ramalan Monsun Timur Laut (MTL) yang akan melanda negara khususnya negeri Perak Darul Ridzuan.

"Saya menyeru semua Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan oleh pegawai daerah, agar diaktifkan dengan segera agar peranan mereka dapat diperkasakan di lokasi masing-masing.

"Selain itu, saya berharap agar Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang ada di negeri ini sama ada telah diwartakan atau tidak untuk sentiasa berada di dalam mod siap sedia dengan persediaan yang secukupnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan Mesyuarat Perhubungan Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2022 di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Hadir sama YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin serta YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin.

Ujar YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim lagi, bagi mempersiapkan diri untuk menghadapi bencana ini, beliau percaya pihak yang terlibat telah menjalankan latihan simulasi bencana.

"Latihan simulasi bencana ini merupakan perkara yang penting kerana mampu mewujudkan koordinasi, komunikasi dan kesefahaman antara pihak yang terlibat terutamanya bilik gerakan negeri, daerah serta agensi penyelamat.

"Selain itu, saya ingin memastikan bahawa segala bantuan serta kemudahan kepada mangsa banjir dilaksanakan secara komprehensif, berkesan dan menyeluruh kerana kita tidak mahu ada yang tertinggal atau tidak menerima bantuan yang secukupnya seperti yang ditetapkan," ujarinya lagi.

Dalam perkembangan sama, mesyuarat yang bermula pada jam 9.00 pagi itu dilakukan secara maya dengan penglibatan lebih 200 ketua jabatan negeri dan persekutuan termasuk pegawai-pegawai daerah dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Perak.

Sesi tersebut telah dimulakan dengan perutusan pengerusi sebelum diteruskan dengan pengesahan minit mesyuarat, perkara-perkara berbangkit, slot Perak Kongsi dan sesi taklimat.

YB SUK PEKA ISU KESIAPSIAGAAN DALAM MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT



Kerajaan Negeri

PRIHATIN TERHADAP KEPERLUAN MANGSA BANJIR

TELUK INTAN, 21 OKTOBER 2022- Kerajaan negeri akan sentiasa berusaha untuk memahami keperluan dan memudah cara mangsa-mangsa banjir.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim berkata demikian ketika mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Bencana Negeri Perak Bil.3/2022 yang dihadiri oleh pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) di Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI), pagi ini.

"Saya memohon kerjasama antara jabatan dan agensi terutama ketika mengendalikan mangsa-mangsa banjir yang sedang cemas, risau dan sebagainya untuk memahami keperluan mereka. Oleh itu, segala urusan perlu dipermudahkan contohnya penggunaan borang-borang.

"Kita nak mengelakkan mereka mengisi terlalu banyak borang. Jika maklumat atau perkara tersebut adalah sama, memadai jika kita hanya menggunakan satu borang sahaja," jelasnya.

Selain itu, beliau turut menekankan mengenai kesiapsiagaan aset dan logistik di lapangan.

"Walaupun perkara ini kita telah tekankan beberapa kali, tetapi, maksud di sini adalah setiap aset perlu diselenggara dari semasa ke semasa untuk memastikan ia dapat berfungsi dengan baik ketika berlakunya banjir dan operasi menyelamatkan berjalan dengan lancar.

"Ini juga termasuk keperluan lain seperti lampu sorot, jaket keselamatan dan minyak bot. Malah, setiap fasiliti di PPS seperti tandas dan surau juga perlu diteliti," ujarnya.

Bukan itu sahaja, beliau turut menegaskan mengenai penyelarasan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan pusat mengundi untuk mengelakkan pertindihan ketika Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

"Segala tarikh yang berkaitan dengan PRU15 telah diumumkan jadi saya memohon kepada semua pengerusi untuk segera membuat keputusan alternatif sekiranya berlaku pertindihan antara PPS dan pusat mengundi," tegasnya.

Hadir sama, YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; YDH Ketua Polis Perak, CP Dato' Mohd Yusri Hassan Basri; Yang Dipertua MPTI, Encik Hizaz Mohd Ibrahim dan Pegawai Pertahanan Awam Daerah Hilir Perak, Kaptén (PA) Mohd Fazly Mohamad Zawawi.





SHAH ALAM, 25 OKTOBER 2022- Karnival Sukan Setiausaha Kerajaan Negeri Se-Malaysia (SUKSEM) Kali ke-8 telah membuka tirai selepas kali terakhir dilangsungkan pada 2018 di Kelantan.

Tirai SUKSEM 2022 itu dibuka secara rasmi dengan disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Aminudin Shari dalam majlis perasmian di Stadium Panasonic, di sini.

Pada edisi kali ini, SUKSEM 2022 telah dikelola oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang sekaligus bertanggungjawab menjadi tuan rumah bagi karnival tersebut.

Upacara perasmian dimulakan dengan perarakan masuk 12 kontinjen negeri sambil diiringi paluan gendang oleh kumpulan pancaragam untuk menaikkan semangat atlet-atlet bagi merebut kejuaraan.

Majlis kemudian diteruskan dengan sesi bacaan doa, bacaan ikrar kejohanan dan persembahan daripada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Upacara diteruskan lagi dengan ucapan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Haji Haris Kasim diikuti ucapan perasmian oleh YB Dato' Seri Aminudin Shari yang selepas itu diberikan penghormatan untuk melakukan gimik perasmian.

Dalam perkembangan sama, SUKSEM 2022 akan berlangsung pada 25 Oktober sehingga 30 Oktober 2022 dengan 10 acara sukan akan dipertandingkan antaranya, bola jaring; tenpin bowling; golf; bola tampar; dart; badminton; ping pong; bola sepak; sepak takraw dan sukan elektronik atau e-sport yang julung kali diperkenalkan pada edisi kali ini.



IPOH, 8 DISEMBER 2022- Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) menerima sebanyak 653 aduan dari seluruh rakyat Malaysia berkaitan dengan 21 agensi penguatkuasaan seliaannya seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) dan Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasa) mengenai penyalahgunaan kuasa dan salah laku penguatkuasa.

Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, Puan Norhayati Ahmad berkata demikian ketika Majlis E.R.A.T Bersama Masyarakat Zon Utara di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan, pagi ini.

"Agensi Penguatkuasaan sering menerima aduan berkenaan ketidakpuasan hati terhadap prosedur dan perkhidmatan yang disediakan yang sering kali dikaitkan dengan ketidakcekapan serta salah laku. Justeru itu, melalui aduan tersebut, kelemahan dalam prosedur dan perkhidmatan dapat dikenal pasti dan diperbaiki.

"Ia bukanlah untuk mencari kesalahan atau membuka aib seseorang pegawai, sebaliknya, ia harus dilihat sebagai medium pemantapan integriti dan meningkatkan mutu akauntabiliti dalam institusi penguatkuasaan di negara ini," jelasnya.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim turut berkata ia merupakan satu usaha murni oleh kerajaan ke arah mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kredibiliti institusi perkhidmatan awam.



EAIC Sebagai Medium Pemantapan Integriti Dan Tingkatkan Akauntabiliti **INSTITUSI PENGUATKUASAAN MALAYSIA**

"Bagi pihak kerajaan negeri, saya mendokong penuh matlamat kempen ini, E.R.A.T iaitu Encouraging (menggalakkan), Responsibility (bertanggungjawab), Accountability (akauntabiliti) dan Trustworthy (kepercayaan) untuk memupuk peranan masyarakat sebagai mata dan telinga bagi mengekang isu-isu salah laku dan penyalahgunaan kuasa," ujarinya.

Dalam perkembangan sama, kempen ini berlangsung selama empat hari bermula 7 Disember sehingga 10 Disember 2022 di sekitar Perak bertujuan untuk mendekati masyarakat umum.

Antaranya di Kolej Poly-Tech Mara dan Heritage Lane pada 9 Disember 2022 kemudiannya ke Kompleks UTC Ipoh, Kompleks Gopeng dan Teluk Intan pada 10 Disember 2022. Orang ramai turut dijemput hadir ke lokasi berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fungsi dan peranan EAIC di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

Turut hadir, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin dan YBrs. Pengarah Operasi EAIC, Tuan Azizan Abdullah.





PERAK SEKALI LAGI BERJAYA CAPAI SASARAN 2 JUTA POKOK SETAHUN

IPOH, 12 DISEMBER 2022- YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim telah merasmikan Program Penghijauan Malaysia: Majlis Penanaman Pokok Ke 2 Juta oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan, pagi ini.

Program tersebut membuktikan bahawa kerajaan negeri sekali lagi komited dalam menyahut cabaran penanaman 10 juta pokok bagi tempoh 5 tahun atau 2 juta pokok setahun sehingga 2025.

Tambahnya, kerajaan negeri turut memperuntukkan RM48.8 juta pada tahun ini bagi menjayakan inisiatif *GreenPrint* Perak.

"Inisiatif *Greenprint* dirancang khusus untuk membangunkan pelan induk bagi memastikan pembangunan yang seimbang di negeri ini selari dengan Rancangan Struktur Negeri (RSN) iaitu menangani isu perubahan iklim melalui inisiatif penanaman pokok di seluruh negeri Perak.

"Agenda 'Perak Bumi Lestari' juga mampu menggerakkan pembangunan negeri secara lestari yang merangkumi tiga komponen 3E iaitu *Environment* (Alam Sekitar), *Economic* (Ekonomi) dan *Equities* (Ekuiti)," jelasnya.

Pada masa yang sama, beliau bersama tetamu yang lain turut menanam beberapa jenis pokok iaitu Pokok Merbau, Pokok Ipoh dan Pokok Pulai di hadapan Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Para tetamu juga berpeluang membawa pulang Pokok Manggis seiring dengan Inisiatif 'Seorang Rakyat, Sepohon Pokok' yang boleh disesuaikan dengan konsep 'Pokok Kita, Kehidupan Kita' untuk memberi kesedaran kepada rakyat supaya lebih menyayangi hutan.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; YBhg. Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Indera Mohd. Ridza Awang dan YBhg. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Dato' Mohamed Zin Yusop.

Sehingga kini, Perak telah berjaya menanam sebanyak 4,211,936 buah pokok bagi menyokong Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dari tahun 2021 sehingga 2025 dalam Program Penghijauan Malaysia, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).



YB DATO' MOHAMAD ZAHIR
ABDUL KHALID

DILANTIK YANG DI-PERTUA DEWAN NEGERI PERAK

IPOH, 19 DISEMBER 2022- YB Dato' Mohamad Zahid Abdul Khalid telah mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak buat kali kedua pada Mesyuarat Pertama, Tahun Pertama Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan ke-15 di sini.

Usul melantik YB Dato' Mohamad Zahir itu dikemukakan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad yang juga Ahli Dewan Negeri Kota Tampan dan disokong oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India, Encik A Sivanesan yang juga Ahli Dewan Negeri Sungkai.

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri Canning, Jenny Choy Tsi Jen telah dilantik sebagai YB Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak.

Usul tersebut telah dicadangkan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, Dato' Seri Ir Mohammad Nizar Jamaluddin yang juga Ahli Dewan Negeri Sungai Rapat dan disokong oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan, Puan Salbiah Mohamed yang juga Ahli Dewan Negeri Temengor.

Dalam perkembangan sama, pada Mesyuarat Pertama, Tahun Pertama, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan ke-15, seramai 58 orang Ahli Dewan Negeri turut mengangkat sumpah jawatan, termasuk Ketua Pembangkang Dewan Negeri Perak yang juga Ahli Dewan Negeri Gunung Semanggol, Encik Razman Zakaria.

Manakala bagi Ahli Dewan Negeri Kepayang, Encik Nga Kor Ming, tidak dapat hadir bagi istiadat mengangkat sumpah tersebut kerana terlibat dalam Persidangan Dewan Rakyat.



DEWAN NEGERI PERAK

Zahir Simpati, Takziah

KEPADA MANGSA TRAGEDI TANAH RUNTUH BATANG KALI

IPOH, 21 DISEMBER 2022- Mesyuarat Kedua, Tahun Pertama, Dewan Negeri Ke-15 Perak Darul Ridzuan pagi ini bertafakur selama satu minit bagi menghormati dan memperingati mangsa tragedi tanah runtuh di tapak perkhemahan *Father's Organic Farm*, Jalan Genting Highlands-Batang Kali, Hulu Selangor, Jumaat lalu.

YB Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak, Dato' Mohammad Zahir Dato' Abdul Khalid menzahirkan simpati dan takziah Dewan Negeri Perak kepada keluarga mangsa sebelum memohon semua Ahli Dewan Negeri bertafakur seketika manakala bagi Ahli Dewan Negeri yang beragama Islam membaca Al-Fatihah.

"Saya ingin menyatakan bagi pihak dewan, rasa simpati dan saya ingin menzahirkan takziah kepada keluarga mangsa-mangsa yang terlibat dalam tragedi tanah runtuh di Batang Kali.

"Ia merupakan sebuah tragedi luar jangka yang turut dirasai di seluruh negara dan saya berharap agar keluarga-keluarga mangsa tabah dalam menghadapi dugaan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sebelum memulakan Mesyuarat Kedua, Tahun Pertama, Dewan Negeri Ke-15, Perak Darul Ridzuan di Dewan Negeri Perak, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Ujar YB Dato' Mohammad Zahir lagi, Dewan Negeri Perak turut menzahirkan rasa penghargaan kepada setiap anggota keselamatan yang bertungkus lumus bagi menjayakan misi menyelamatkan.

"Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada anggota keselamatan dan petugas yang terlibat dalam menjayakan misi mencari dan menyelamatkan mangsa," ujarinya lagi.

Dalam perkembangan sama, setakat ini, 25 mangsa disahkan meninggal dunia dan 61 orang selamat daripada keseluruhan 94 mangsa yang terlibat dalam insiden tragedi tanah runtuh di tapak perkhemahan *Fathers' Organic Farm*, Batang Kali itu.





TASIK CERMIN

RAHSIA INDAH WAJIB

DILAWATI DI IPOH

Tahukah anda, di Gunung Rapat, Ipoh, tersembunyinya sebuah lokasi indah dengan pemandangan sebuah tasik yang mampu memukau hati setiap pengunjung yang melawat kawasan tersebut.

Tasik Cermin merupakan kawasan yang pada suatu ketika dahulu dianggap permata tersembunyi kini telah menjadi kawasan yang wajib dilawati oleh setiap pelancong yang singgah ke negeri Perak.

Berkeluasan seluas 26 hektar, Tasik Cermin dikelilingi oleh bukit batu kapur yang menjadikanya sebuah tasik yang benar-benar istimewa.

Keadaan air tasik yang tenang berwarna hijau dan berkilau seakan cermin ini turut memantul bayang gunung di sekelilingnya. Justeru nama tasik cermin ini diberi bagi menggambarkan keindahan tasik tersebut.

Tidak hairan, Tasik Cermin kini menjadi lokasi popular persinggahan pelancong untuk bergambar dan menenangkan fikiran disebabkan faktor kawasannya.

Lebih menarik lagi, sebelum anda sampai ke kawasan tasik tersebut, anda perlu menelusuri sebuah terowong dalam lingkungan jarak 10 meter sebelum kehadiran anda disambut oleh pemandangan yang cantik.

Bagi pengunjung yang berminat untuk menjadikan Tasik Cermin lokasi aktiviti hujung minggu, bayaran tiket akan dikenakan bagi setiap kemasukan iaitu RM4.00 bagi dewasa dan kanak-kanak dan RM8.00 untuk pelancong asing dewasa dan kanak-kanak.

Jadi tunggu apa lagi, jadikan Tasik Cermin sebagai lokasi hujung minggu anda sempena Tahun Melawat Ipoh 2023.